

Headline	Bertugas dalam kedaifan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norlaila Hamima Jamaluddin	AdValue	RM 27,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,433



# Bertugas dalam kedaifan

## Jururawat di Myanmar bekerja dengan gigih walaupun serba kekurangan

>>Susunan Norlaila Hamima Jamaluddin

norlaila@hmetro.com.my

**B**ERBAJU putih bersih, kain sarung warna merah terang dan kep jururawat yang disemat kemas di rambutnya, Khin Aye Nwe nampak seolah-olah bekerja di hospital moden. Hakikatnya, sandal bersih yang tersarung di kaki bidan muda ini digunakan untuk bertugas di klinik yang usang di Delta Irrawaddy, Myanmar.

Dia ditugaskan berkhidmat di 15 kampung yang mempunyai 3,000 penduduk untuk menyambut kelahiran bayi, memberi imunisasi kepada kanak-kanak dan merawat hampir semua jenis isu kesihatan daripada kekurangan zat hinggalah kes malaria di kawasan di mana 80 peratus kanak-kanak dan wanita hamil mengalami masalah kekurangan darah atau anemia.

Selama ini, kerajaan tentera yang memerintah Myanmar mengenenikan soal penjagaan kesihatan penduduknya. Boleh dikatakan semua sektor kekurangan peruntukan kerana sebahagian besar disalurkan ke jabatan pertahanan. Kini apabila kerajaan Myanmar beralih tangan, penduduk

mengharapkan perubahan. Di bawah pemerintahan tentera, kerajaan memperuntukkan kurang RM3 bagi perbelanjaan kesihatan untuk setiap penduduk pada 2008, tidak termasuk sumbangan daripada penderma dan meletakkan Myanmar sebagai negara paling bawah dalam peruntukan penjagaan kesihatan.

Di sebalik segala kekurangan itu, Nwe dan wanita lain yang berdedikasi tetap menjalankan tugas mereka setiap hari. Mereka berjalan, menaiki bas, bersesak dalam bot usang atau menumpang motosikal untuk sampai ke rumah pesakit yang tidak mampu mendapatkan penjagaan kesihatan lain.

Kerja mereka memang sangat meletihkan dan Nwe tahu tidak kira berapa kuat pun dia berusaha, ia masih tidak cukup untuk membantu semua orang. Bagaimanapun, kini katanya, buat pertama kali ada harapan untuk keadaan berubah.

"Walaupun sampai sekarang saya masih belum nampak sebarang perubahan atau kemajuan, saya fikir masanya

akan tiba juga," katanya penuh harap.

Keterujaan itu disebabkan berlakunya reformasi politik dan lawatan antarabangsa (pemimpin luar negara) ke bandar besar seperti Yangon (dulunya dikenali sebagai Rangoon), di mana kemeja-T yang dicetak dengan gambar ikon prodemokrasi, Aung San Suu Kyi dijual sepanjang jalan dan ahli perniagaan Barat mula memenuhi hotel di Myanmar.

Bagaimanapun, perjalanan berkereta setengah hari membelah Delta Irrawaddy memang agak sukar untuk mengesan semangat penduduk miskin yang kais pagi makan pagi dan tinggal di pondok buluh di kawasan kampung sawah padi.

Selepas begitu lama terasing dari dunia, kebanyakan penduduknya tidak terlalu mengharapkan perubahan, apatah lagi di kebanyakan tempat kemudahan air paip dan bekalan elektrik dianggap satu kemewahan.

Selama bertahun-tahun, Amerika Syarikat dan penggerak ekonomi lain mengenakan tekanan kepada tentera junta yang menafikan hak kemanu-

siaan dan menggesa supaya dilakukan reformasi demokratik. Negara jirannya seperti Kemboja, Vietnam dan Laos menerima bantuan kewangan daripada penderma antarabangsa sebanyak RM159, RM104 dan RM205 bagi setiap penduduk pada 2010 sedangkan penduduk Myanmar hanya menerima RM21 setiap orang.

Ini menyebabkan kebanyakan penduduk Myanmar terpaksa membayar bagi mendapatkan rawatan yang tidak seberapa di negara itu.

Dibelenggu masalah rasuah dan salah urus, sistem kesihatan Myanmar secara keseluruhan dikelaskan sebagai kedua terburuk di dunia oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia pada 2000.

Akhirnya, penduduk yang terpaksa menanggung akibatnya kerana:

- Myanmar mempunyai kadar kematian tertinggi untuk bayi baru lahir dan kanak-kanak di bawah umur lima tahun.
- Dianggarkan 18,000 penduduk Myanmar meninggal dunia akibat Aids setiap tahun dan ia kekal sebagai negara paling

Headline	Bertugas dalam kedaifan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norlaila Hamima Jamaluddin	AdValue	RM 27,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,433

sukar menerima rawatan HIV.

- Kes tuberkulosis (TB) hampir tiga kali ganda daripada jumlah terkumpul di seluruh dunia dan Myanmar mempunyai jumlah kematian akibat malaria yang tertinggi di rantau ini.

- Lebih 90 peratus wanita hamil dan 70 peratus kanak-kanak di kawasan pantai dan delta mengalami masalah jangkitan cacing yang menjadi punca kes kekurangan zat.

Semua ini berlaku di negara yang kaya dengan sumber asli dan pernah dicemburui negara jiran.

"Berpuluh tahun kerajaan Myanmar langsung tidak melabur untuk penjagaan kesihatan, ditambah pula dengan keruntuhan sistem pendidikan dan adanya lembaga penapisan yang melumpuhkan sistem kesihatan awam di negara ini.

Masalah tambah serius tanpa adanya kakitangan terlatih dan bekalan penjagaan kesihatan yang asas dan mampu dibayar oleh semua penduduk," kata Dr Vit Suwanvanichkij dari Universiti John Hopkins.

Kekurangan penjagaan kesihatan ini juga amat ketara di Hospital Besar Rangoon di Yangon. Di pekarangan kawasan hospital bukan saja sesak dengan rumput, malah di tepi longkang penjaja bebas menjual snek murah kepada pelawat dan saudara-mara pesakit.

Dalam salah sebuah wad, berpuluh pesakit ditempatkan dalam satu bilik terbuka. Seseengahnya tidur dan ada pula mengerekot kesakitan sambil dikipas oleh ahli keluarga.

Ketika negara itu mula

membuka pintunya kepada dunia luar, kunjungan bersejarah seperti lawatan Barrack Obama bulan lalu menandakan kemunculan era baru.

Malah, perarakan pegawai kesihatan global berkedudukan tinggi juga diadakan di Myanmar dan berjanji untuk membantu sistem kesihatan negara itu. Bahkan Program Kerjasama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk HIV dan Aids (UNAIDS) menamakan Suu Kyi sebagai penasihat global untuk meningkatkan kesedaran dan menghapuskan stigma serta diskriminasi terhadap pesakit HIV yang menjadi satu masalah besar di negara itu.

Pada masa sama, Myanmar juga sudah mengambil beberapa langkah memberangsangkan antaranya melantik menteri kesihatan baru, Dr Pe

Thet Khin, pakar kanak-kanak untuk menghadapi cabaran yang sudah menunggu.

Awal tahun ini, ketika berada di Amerika Syarikat, Dr Pe berkata, dia berharap akan ada perkongsian dan kerjasama dengan universiti luar untuk memperbaiki kualiti sistem kesihatan di negara itu. Katanya, kesihatan bayi, kanak-kanak dan kehamilan diberi keutamaan.

Menurutnya, Myanmar mengeluarkan cukup doktor, jururawat dan pekerja kesihatan yang lain, tetapi kualitinya 'tidak begitu baik' kerana kekurangan dana.

"Ekonomi kami tidak berapa bagus sejak 20 atau 30 tahun lalu, mungkin disebabkan adanya sekatan, tetapi ia juga diakibatkan salah tadbir," katanya.



**SIAP SEDIA...**jururawat menyiapkan beg ubat untuk dibawa ketika melawat pesakit.

Headline	Bertugas dalam kedaifan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norlaila Hamima Jamaluddin	AdValue	RM 27,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,433

